

UPM juara nasyid Makum

Turut raih Anugerah Lagu Terbaik, Iringan Terbaik



>>Oleh Mary Victoria Dass
maryvictoria@hmetro.com.my

JOHR BAHRU: Berkat kesungguhan berlatih selama enam jam sehari sejak tiga minggu lalu memberi keyakinan kepada Kumpulan Nasyid Nahwan Nur dari Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk memberi persembahan lebih mantap sebelum dinobatkan sebagai Johan Festival Nasyid Majlis Kebudayaan Uni-

siti-Universiti Malaysia (Makum) 2008 di Plaza Angsana, kelmarin.

Kumpulan yang mendangkan lagu Bicara Bonda hasil ciptaan Wan Mohd Salehuddin Wan Mohd Hassan itu turut meraih kejayaan berganda apabila diumumkan menerima Anugerah Lagu Terbaik dan Iringan Terbaik.

Ahli kumpulan terbabit, Wan Mohd Farhan Wan Zakaria turut dipilih menerima Anugerah Penyanyi Solo Terbaik.

Serentak dengan itu, UPM berjaya membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM2,600 berserta cendera-

mata dan juga sijil penghargaan.

Tempat kedua dan ketiga masing-masing dimenangi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan semua hadiah kepada pemenang disampaikan Pengarah Kebudayaan dan Kesenian Johor, Abdul Hamid Muhammad.

Festival yang dianjurkan bersama Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan serta Makum itu turut disertai 14 institut pengajian tinggi awam (IPTA) yang lain.



GEMBIRA...Kumpulan Nasyid Nahwan Nur bergambar kenangan selepas dinobatkan Johan Festival Nasyid Makum 2008, kelmarin.

Antaranya Universiti Mala-
ya (UM), Universiti Tek-
nologi Mara (UiTM), Uni-
versiti Islam Antarabangsa
Malaysia (UIAM) dan Uni-
versiti Tun Hussein Onn Ma-

laysia (UTHM).

Turut serta Universiti Ma-
laysia Sarawak (Unimas),
Universiti Malaysia Sabah
(UMS), Universiti Sains Is-
lam Malaysia (Usim), Uni-

versiti Darul Iman Malaysia
(UDM), Universiti Malaysia
Perlis (UniMap), Universiti
Teknikal Malaysia Melaka
(UTeM) dan Universiti Ma-
laysia Pahang (UMP).